



## SEJARAH KEJATUHAN PALESTIN DAN KEWUJUDAN ISRAEL

*Oleh*

*Dr. Mohd Roslan Mohd Nor\**

### **PENGENALAN**

Palestin berada di bawah pemerintahan Islam kali terakhir adalah di bawah kerajaan Turki-Uthmaniyyah. Pada tahun 1516, Palestin telah menjadi wilayah di bawah naungan Empayar Islam Uthmaniyyah yang telah mengambil alih daripada kerajaan Mamluk dalam Perang Marj Dabak berhampiran dengan Halab. Pada zaman Sultan Sulaiman al-Qanuni (1538-1539), kota-kota di Palestin dan Baitulmaqdis telah diperbaiki.<sup>1</sup> Palestin di bahagian selatan berada di bawah pentadbiran wilayah Sham dan berpusat di Damsyik, manakala bahagian utara Palestin pula ditadbir oleh wilayah Lubnan yang berpusat di Akka. Palestin kelihatannya kekal di bawah Empayar Uthmaniyyah selama 4 abad. Pentadbiran Palestin di bawah kerajaan Uthmaniyyah berakhir sebaik sahaja Inggeris berjaya menjajah wilayah ini.

Ketika ia berada di bawah pentadbiran Uthmaniyyah, Baitulmaqdis dan Palestin merupakan wilayah terbuka yang boleh dilawati oleh golongan Kristian dan Yahudi untuk mereka melakukan ibadah

---

\* Penulis adalah merupakan Pensyarah Kanan dan Ketua di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau boleh dihubungi melalui [m\\_roslan@um.edu.my](mailto:m_roslan@um.edu.my).

<sup>1</sup> Trias Kuncayono (2008), *Jerusalem: Kesucian, Konflik, dan Pengadilan Akhir*, Jakarta: Penerbit Buku Kompas, h. 197.



ditempat yang dianggap suci oleh 3 agama samawi. Golongan Kristian dan Yahudi bebas untuk melakukan ibadah termasuk ibadah utama mereka yang sering disebut sebagai 'pilgrim'. Ia berbeza dengan Islam di mana 'pilgrim' bagi Muslim ialah ke Mekah bagi melakukan haji. Namun ada juga yang menggunakan perkataan 'pilgrim' untuk merujuk kepada umrah. Ini adalah masalah istilah yang digunakan oleh Eropah tetapi ingin diumumkan istilah itu kepada masyarakat Islam sehingga ada yang menulis bahawa ketika golongan Syiah menyambut Muharram dan kematian Saidina Husien, ia digambarkan sebagai 'pilgrim'. Jika dilihat dalam hal ini, 'pilgrim' bagi Muslim seharusnya merujuk kepada ibadah haji di Mekah, bukan mana-mana sambutan juga perayaan ditempat lain.

Bagi Palestin, ia telah menjadi tempat yang menjadi tumpuan bagi Yahudi, Kristian dan Islam. Golongan Muslim melihatnya sebagai tanah yang diberkati oleh Allah SWT dan ia merupakan tanah yang mempunyai kaitan dan kepentingan seperti mana yang ditunjuk oleh para anbiya' terdahulu. Namun begitu, setelah Palestin menjadi wilayah yang dijajah pada awal abad ke-20, situasinya telah bertukar. Jika dahulu ia bersifat inklusif dengan menerima kepelbagaian agama di tanah tersebut, tetapi ia menjadi wilayah yang tidak lagi bebas dan tidak terbuka terutama kepada umat Islam.

#### **PERGERAKAN ZIONIS MELOBI MENDAPATKAN NEGARA**

Golongan Yahudi sebenarnya banyak ditindas di Barat terutama di wilayah Eropah Timur. Bagi membela nasib golongan ini, mereka telah menubuhkan Pertubuhan Zionis Antarabangsa (WZO). Ia ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1897 melalui persidangan pertamanya di Basel. Pertubuhan ini telah memilih Theodor Herzl sebagai presiden yang pertama. Tujuan utama pertubuhan ini adalah untuk mendapatkan sebuah negara bagi bangsa Yahudi. Idea ini sebelumnya telah diterbitkan dalam bentuk buku yang ditulis oleh Herzl, iaitu '*Der Judenstaat*' atau The State of Israel. Golongan Yahudi melakukan lobi terhadap kuasa besar dunia pada waktu tersebut iaitu Britain untuk mendapatkan sokongan dan simpati. Beberapa strategi digunakan dengan mendekati pembuat dasar di Britain. Pemimpin zionis di Britain iaitu Wheizmann



Baitul Maqdis : Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel

melakukan usaha melobi dengan kuat bagi mendapatkan simpati untuk menubuhkan negara Israel di Palestin.<sup>2</sup>

Beberapa strategi yang digunakan telah menimbulkan simpati serta persetujuan House of Common di Britain. Rentetan dari itu, satu deklarasi persetujuan dan sokongan oleh Britain telah dikeluarkan yang dikenali sebagai Deklarasi Balfour pada Nov 1917. Ia telah dibincangkan dengan mendalam dan teks rasminya diputuskan pada 31 Oktober 1917 oleh Kabinet Perang (*War Cabinet*) di London. Oleh sebab itu, ada dua peristiwa besar yang selalu disebut berlaku pada tarikh tersebut iaitu persetujuan terhadap teks Deklarasi Balfour dan serangan tentera British bagi menawan Palestin.<sup>3</sup>

Penulis melihat bahawa kelemahan Kerajaan Turki 'Uthmaniyyah yang memerintah Palestin di antara tahun 1516-1917 turut memudahkan laluan untuk kejayaan projek Yahudi-Zionis di Palestin. Kuasa Barat mengambil peluang ini membahagi-bahagikan tanah Palestin sesama mereka. Sewaktu Persidangan London 1905-1907, idea pembentukan 'Negara Kawalan' (*Buffer State*) di kawasan Palestin telah ditimbulkan. Para hadirin telah mencadangkan satu keputusan kepada pihak Perdana Menteri Britain Campbell Bannerman pada masa itu untuk membina institusi pemerintahan yang berbentuk kawalan manusia yang kuat di sebelah Timur Laut Mediteranean yang bermusuhan dengan orang Islam tetapi merupakan rakan Kuasa Eropah serta kuat bergantung kepada mereka.<sup>4</sup> Mereka berpandangan bahawa orang yang terbaik untuk melaksanakan perancangan kolonial ini ialah orang-orang Yahudi sendiri.

Motif utama perancangan Barat untuk membina idea Negara Kawalan (iaitu Palestin) di tengah-tengah dunia Islam adalah untuk memisahkan perpaduan orang-orang Islam di sebelah Asia dengan Afrika<sup>5</sup> dan mungkin juga mereka ingin menjauhkan masyarakat Islam

---

<sup>2</sup> Howard Morley Sachar, (1963), *The Course of Modern Jewish History*, New York: A Delta Book, hal. 372.

<sup>3</sup> Dov Gavish (2005), *A Survey of Palestine under the British Mandate, 1920-1948*, Oxon: RoutledgeCurzon, hal. 21.

<sup>4</sup> Saad El Shazly (1986), *The Arab Military Option*, US: American Mideast Research, hal. 2.

<sup>5</sup> Ibid.



*Sejarah Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel*

dengan Barat. Idea ini juga adalah usaha untuk mematahkan sebarang kemunculan tamadun Islam yang kuat di situ. Dengan ini dunia Islam akan sentiasa sibuk dengan masalah permusuhan yang panjang dan rumit. Rejim Zionis ini amat memerlukan sokongan kuasa Barat untuk menjamin survival mereka dan kuasa Barat juga memerlukan mereka untuk menjamin kelemahan dunia Islam, perpecahan dan penderitaan mereka. Oleh itu salah satu strategi yang harus dilakukan adalah mereka perlu menjalinkan hubungan kerjasama tanpa putus-putus.

#### **PALESTIN DI BAWAH MANDAT BRITISH: BERMULANYA KEJATUHAN RASMI ABAD KE 20**

Palestin secara rasmi jatuh ke tangan bukan Islam pada zaman moden ini apabila ia jatuh ke tangan British yang menjajah tanah tersebut. Pasukan British di bawah pimpinan General Allenby telah berjaya menawan Palestin daripada naungan Uthmaniyyah. Beliau berjaya menawannya pada bulan Disember 1917. Beliau mula melancarkan serangan terhadap Beersheba pada 31 Oktober lagi. Pergerakan secara taktikal yang disusun oleh Allenby telah membawa kepada kejayaan British menawan bahagian selatan Palestin dan juga Jerusalem daripada pemerintahan Turki-Uthmaniyyah.<sup>6</sup>

Secara rasmi, pada 1918 iaitu selepas Perang Dunia Pertama, Baitulmaqdis dan Palestin jatuh ke tangan British selepas daripada British menewaskan Empayar Islam Uthmaniyyah. Rentetan daripada penjajahan tersebut, bermulalah perpindahan secara besar-besaran bangsa Yahudi ke Palestin di bawah naungan British dari 1918-1947. Kesenambungan daripada pendudukan tersebut juga menyaksikan British telah menempatkan wakilnya di Palestin dan menjadikan Baitulmaqdis sebagai ibu kotanya.<sup>7</sup>

#### **SEJARAH KELAHIRAN NEGARA ISRAEL**

Semasa Perang Dunia, orang-orang Yahudi yang terlibat dalam perang mempunyai jumlah yang besar. Dalam situasi tersebut, sekitar 119,000 orang Yahudi berdaftar untuk perkhidmatan tentera dalam masa sebulan Perang Dunia Kedua berlaku. Pada akhir tahun 1942, sekitar 19,000 orang

---

<sup>6</sup> Dov Gavish (2005), *A Survey of Palestine under the British Mandate, 1920-1948*, hal. 21.

<sup>7</sup> *Ibid.*, hal. 293



Baitul Maqdis : Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel

Yahudi Palestin - hampir 10 peratus daripada mereka perempuan - berada dalam perkhidmatan tentera dan aktif dengan angkatan bersenjata Inggeris. Mereka adalah sebahagian daripada kekuatan tentera yang menyertai operasi di Itali dan Afrika Utara. Unit Komando Khusus Yahudi berjuang di Libya dan Ethiopia, dan juga terlibat dalam penjajahan pasukan tentera Berikat di Syria dan Lubnan pada tahun 1941. Orang-orang Yahudi mengharapkan bahawa penyertaan setia mereka tidak akan dilupakan oleh Inggeris ketika perang berakhir. Ia merupakan masa yang tepat untuk kembali menilai masalah perpindahan Yahudi ke Palestin.<sup>8</sup>

Oleh kerana situasi anti-Semitism atau anti Yahudi muncul di Eropah sebelum Perang Dunia II, orang Yahudi percaya bahawa Palestin menawarkan tempat terbaik untuk mereka membina semula kehidupan mereka dan imej bangsa yang rosak. Pada tahun 1945, ada arus besar masyarakat Yahudi di Poland dan Eropah Timur lain melarikan diri ke kem-kem pelarian di Barat. Situasi ini berlaku kerana setelah kembali ke rumah mereka di Poland, orang-orang Yahudi mendapati keadaan yang runcing di mana anti-Semitisme telah merebak kepada rakyat Poland. Ini tidak terkecuali golongan Yahudi yang terpaksa lari dari cengkaman anti-Semitisme yang membingungkan hidup mereka di era sebelum Perang Dunia I yang dikenali sebagai 'pogroms'.

Ramai dalam kalangan orang Yahudi, sebagai akibat dari anti-Semitisme, menjadi pelarian atau *displaced person* (DP) dan beberapa kongres telah dilaksanakan untuk mencari penyelesaian untuk golongan ini. Beberapa orang Yahudi, setelah melihat keluarga mereka terlibat dalam pembunuhan beramai-ramai oleh Nazi, mereka menumpukan perhatian kepada membawa pelarian ini ke Palestin.<sup>9</sup> Kemudian itu Yahudi Palestin, dengan keberanian dan semangat mereka untuk berjuang serta membela nasib kaum, berjaya menyokong serta menubuhkan negara Israel.<sup>10</sup> Penubuhan Negara Israel tersebut mendapat sokongan penuh dari Amerika di mana Yahudi Amerika telah memainkan peranan penting dalam melobi kerajaan Amerika pada

<sup>8</sup> Howard Morley Sachar, (1963), op. cit., hal. 460 – 461.

<sup>9</sup> Ibid, hal. 446

<sup>10</sup> Ibid, hal. 470



waktu tersebut. Ketika Harry Truman diangkat menjadi Presiden pada April 1945, beliau menjadi sasaran kuasa rayuan dan pelobi Zionis. Presiden Truman tidak pernah menyimpang dalam memberikan simpati terhadap aspirasi Zionis. Dia menulis dalam autobiografinya:

*Saya sudah membaca Deklarasi Balfour dengan berhati-hati, di mana Great Britain telah memberikan komitmen untuk sebuah tanah air bagi Yahudi. Saya telah membiasakan diri dengan sejarah serta soalan tentang sebuah tanah air bagi Yahudi dan kedudukan Inggeris dan Arab (dalam isu ini)... saya merasakan bahawa ia boleh memungkinkan kita untuk memerhati kepentingan jangka panjang bagi negara kita, sementara itu pada masa yang sama membantu mereka (Yahudi) yang tidak bernasib baik hasil penganiayaan (ke atas mereka) untuk mendapatkan rumah.<sup>11</sup>*

Pada tahun 1947, Jawatankuasa Khusus PBB terhadap Palestin (UNSCOP) menyarankan bahagian Barat Palestin harus dibahagi menjadi tiga kategori: pertama, sebuah negara Yahudi, kedua, sebuah negara Arab dan ketiga, sebuah wilayah yang dikuasai atau diperintah oleh PBB (*Corpus separatum*) di sekitar bandar Baitulmaqdis. Pelan pembahagian (*Partition Plan*) ini diluluskan pada 29 November 1947 dengan terhasilnya Resolusi 181, Perhimpunan Agung PBB. Resolusi ini dikatakan lebih menguntungkan orang Yahudi berbanding dengan laporan Suruhanjaya Peel.<sup>12</sup> Resolusi ini dikira sebagai 33 suara menyokong, 13 menentang, dan 10 dikira tidak hadir. Ini bererti adanya sokongan dengan majoriti mudah untuk memisahkan tanah Palestin menjadi beberapa bahagian. Sekiranya 10 perwakilan yang tidak hadir tersebut jika mereka muncul, ia tidak akan mengubah sokongan untuk mewujudkan sebuah negara Yahudi di Palestin.

Ramai daripada rakyat Palestin menentang rancangan pemisahan ini, namun ia tidak berkesan. Oleh itu ada yang melihat bahawa rakyat Palestin berhak untuk mendapatkan kembali tanah tersebut kerana pada asalnya ia memang milik mereka. Inilah cara untuk memberikan

---

<sup>11</sup> Ibid, hal. 472

<sup>12</sup> Michael C Hudson (1990), 'The Transformation of Jerusalem 1917 – 1987 AD,' dalam *Jerusalem in History*, ed. K.J Asali, New York: Olive Branch Press, hal. 257.





Baitul Maqdis : Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel

kefahaman kepada orang-orang Yahudi bahawa negara mereka adalah hasil dari pencerobohan tanah rakyat Palestin.

Seorang pengkaji, Galvin menyatakan bahawa sepuluh tahun pertama kewujudan rejim Israel boleh dianggap sebagai sebuah tempoh perubahan demografi secara radikal dengan penambahan penduduk Yahudi meningkat dengan cepat. Perubahan demografi dan peningkatan mendadak jumlah Yahudi di Palestin adalah hasil daripada dua faktor. Salah satunya adalah pelarian rakyat Palestin yang telah melarikan diri ke sempadan tanahair mereka seperti Jordan, Syria dan Mesir atau ada yang terpaksa melarikan diri dengan mencari tempat berlindung di rumah perlindungan sementara. Ia menjadi bertambah teruk kerana usaha yang dilakukan oleh Israel dengan menduduki 94 peratus daripada harta yang ditinggalkan oleh orang Palestin yang melarikan diri. Mereka melarikan diri kerana dipaksa berbuat demikian dan keperitan hidup. Harta-harta peninggalan mereka dirampas dan diedarkan kepada masyarakat Yahudi. Ada yang melihat bahawa ada usaha yang dilakukan oleh beberapa orang Palestin untuk mendapatkan semula harta mereka dalam bentuk hasil penuaian ke atas tanaman yang mereka tinggalkan sebelum ini atau membawa harta yang mereka tinggalkan ke rumah baru mereka.<sup>13</sup>

Faktor kedua perubahan demografi secara drastik di Palestin adalah perpindahan orang Yahudi secara sukarela datang ke Israel. Selama empat tahun pertama kewujudan Israel, sekitar tujuh ratus ribu pendatang Yahudi telah tiba. Jumlah ini adalah dua kali ganda penduduk Israel secara keseluruhan. Ada kelompok masyarakat Yahudi yang berpindah ke Israel kerana pujukan dan desakan oleh Zionis. Mereka dijanjikan penempatan untuk keluarga dan mereka disogok dengan kepercayaan agama mereka terhadap tanah tersebut sebagai 'tanah yang dijanjikan'. Ada juga yang datang ke Israel kerana mereka dianiaya di negara-negara yang mereka tinggal sebelum ini.<sup>14</sup> Cattan

---

<sup>13</sup> James L. Gelvin (2005), *The Israel - Palestine Conflict: One Hundred Years of War*, Cambridge: Cambridge University Press, hal. 166 - 167.

<sup>14</sup> Ibid, hal. 168



menyebutkan bahawa statistik sebahagian besar pendatang Yahudi ke Israel berasal dari Poland, Jerman, Romania dan Czechoslovakia.<sup>15</sup>

Dalam menghadapi kelahiran negara Israel, perang psikologi serta ungkapan sinis sering dilemparkan terhadap masyarakat Arab yang tidak bersatu dan mempunyai pemimpin yang teruk dilakukan oleh pasukan Irgun. Pasukan ini merupakan kumpulan terroris yang terkenal dari kalangan Yahudi. Satu lagi pasukan mereka dikenali sebagai Haganah. Mereka merancang keganasan ke atas masyarakat Palestin. Pada tarikh 9 atau 10 April 1948 Irgun melakukan pembunuhan lebih dari 250 warga awam umat Islam Palestin di desa Deir Yassin. Pada tarikh 26 Mei, kumpulan Haganah pula melancarkan serangan dan mengusir semua penduduk di perkampungan yang didiami oleh suku Arab kelas menengah.<sup>16</sup> Ini hanya dua contoh dari banyak keganasan yang dilakukan terhadap rakyat Palestin. Sesuatu yang tidak dapat diterima ialah keganasan itu dilakukan oleh pasukan zionis Yahudi ketika Palestin masih di bawah Mandat British, sebelum negara Israel diisytiharkan wujud. Dalam hal ini, Armstrong berpendapat bahawa selama tempoh Palestin berada di bawah Mandat British, Zionis berjaya mencengkam serta menzahirkan kewujudan mereka di situ yang mana ia telah menyebabkan masyarakat Arab menjadi lemah dan akhirnya membawa kepada kewujudan negara Israel.<sup>17</sup>

Pada 14 Mei 1948, Ben-Gurion mengadakan upacara di Tel Aviv Museum untukewartakan kelahiran negara baru iaitu Israel. Keganasan Israel terus memuncak ke atas masyarakat Palestin. Pada hari berikutnya iaitu 15 Mei, selepas Inggeris secara rasmi keluar dari Palestin, kumpulan Irgun telah menyerang Jaffa. Ia seakan pembantaian di Deir Yassin, malah ia lebih teruk, di mana ia telah menyebabkan tujuh puluh ribu penduduk Arab di kawasan bandar melarikan diri.<sup>18</sup> Apa yang menjadi dorongan semangat tambahan bagi Israel adalah bahawa

---

<sup>15</sup> Henry Cattan (1973), *Palestine and International Law: The Legal Aspects of the Arab-Israeli Conflict*, (London and New York: Longman, hal. 96; lihat juga \_\_\_\_\_ (1976), *Palestine and International Law*, UK: Longman Group Ltd.

<sup>16</sup> Michael C Hudson. 1990. op. cit., hal. 258 – 259.

<sup>17</sup> Karen Armstrong (1997), *A History of Jerusalem: One City Three Faiths*, London: Harper Collins Publishers, hal. 371.

<sup>18</sup> Ibid, hal. 386 – 387.





Baitul Maqdis : Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel

selang beberapa minit selepas pembentukan negara baru ini, Presiden Amerika, Harry Truman memberikan sokongannya diikuti oleh negara-negara lain seperti Britain, Romania dan Uruguay. Ini adalah satu bentuk kemenangan bagi Israel kerana mendapat sokongan padu dari kuasa besar dunia. Dua hari selepas itu, beberapa negara lain seperti Soviet Union, Poland, Ireland dan lain-lain negara telah mengiktiraf kewujudan Israel. Secara rasmi, sokongan dari Amerika terhadap kewujudan Israel adalah 31 Januari 1949. Tidak dapat tidak, pengisytiharan kewujudan Negara Israel telah masyarakat melukakan hati penduduk Palestin luka hati. Peristiwa itu sudah tentu merupakan pengesahan kepada lanskap baru sosio-politik Timur Tengah akan bermula.

Terdapat sarjana yang berpendapat bahawa kewujudan Negara Israel tidak mempunyai sebarang dokongan dari aspek undang-undang. Malah ia tidak langsung mempunyai merit di bawah undang-undang antarabangsa. Dalam hal ini, Cattan berpendapat bahawa Israel tidak memenuhi syarat-syarat biasa bagi kewujudan sesebuah negara di bawah undang-undang antarabangsa, yang mana keperluan itu adalah: i. masyarakat (*people*), ii. sebuah wilayah yang mempunyai sempadan tersendiri (*defined territory*), dan iii. kerajaan (*government*). Cattan meneruskan pandangannya dengan pendapat bahawa sebahagian besar penduduk Yahudi pada waktu itu di Palestin bukan warganegara. Golongan Yahudi adalah pendatang (*immigrants*) yang datang ke Palestin tetapi golongan pendatang ini telah menghalau penduduk asal dengan kekerasan dan keganasan.<sup>19</sup>

Sebarang bentuk perbincangan yang tidak menyokong keganasan Israel tidak bererti bahawa ia terlibat dalam anti-Semitism (anti-Yahudi). Pada hakikatnya, kewujudan istilah anti-Semitism digunakan untuk merujuk kepada layanan buruk dari negara-negara Eropah terhadap orang Yahudi yang tinggal di negara mereka seperti di Austria, German, Rusia dan lain-lain. Dalam hal ini, perlu juga difahami bahawa menentang pergerakan Zionis adalah subjek yang berbeza dari anti-Semitism. Kedua-dua perkara ini berbeza antara satu sama lain.

---

<sup>19</sup> Henry Cattan. 1973. op. cit., hal. 94 – 95.



*Sejarah Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel*

Al-Qaradawi jelas menyatakan bahawa bagi umat Islam, mereka tidak boleh memerangi orang-orang Yahudi sekarang hanya kerana mereka Yahudi. Tetapi ia berlainan dengan penentangan terhadap zionis, iaitu kefahaman masyarakat Yahudi yang ekstrem untuk merampas tanah Palestin bagi mewujudkan Negara Israel. Jelas, penentangan terhadap zionis dan Israel adalah kerana mereka telah menduduki tanah Palestin milik masyarakat Muslim dan Arab. Jadi, orang-orang Arab mempunyai hak mereka untuk menuntut kembali tanah tersebut. Namun ketidakadilan kuasa besar dunia terhadap mereka pada abad ini bererti mereka tidak mampu memperolehi kembali hak mereka. Bukan sekadar itu, mereka juga dinafikan hak untuk kembali ke Palestin sebagaimana yang dinikmati oleh orang Yahudi yang boleh 'kembali' ke negara Israel. Sikap tidak adil Yahudi serta keganasan yang dilakukan mereka inilah yang ditentang. Oleh kerana itu, Michael Prior melalui bukunya iaitu sebuah kajian mendalam tentang konflik antara Palestin-Israel, menyatakan bahawa seseorang itu boleh sahaja menjadi anti-Zionis terhadap perkara buruk yang dilakukan mereka, tetapi ini tidak bermakna bahawa dia seorang yang anti-Semitism.<sup>20</sup>

Secara ringkas, Israel berjaya menduduki Palestin dan Barat Baitulmaqdis ketika perisytiharan negara tersebut pada 1948. Penguasaan Israel merangkumi 81.4% daripada seluruh keluasan Baitulmaqdis. Kawasan timur Baitulmaqdis yang juga sering dikenali sebagai *East Jerusalem* masih tidak dapat ditawan pada tahun tersebut. Namun demikian, mereka terus melebarkan pemilikan itu kepada 85% dengan membina penempatan perumahan untuk kaum Yahudi di atas tanah milik rakyat Palestin, manakala kawasan perkampungan Arab pula dirampas.

Pada peringkat awal penjajahan Israel di Palestin, Baitulmaqdis telah dibahagikan kepada dua bahagian, di mana bahagian Barat diperintah oleh Israel. Dalam jangkamasa yang singkat, seramai 30,000 bangsa Arab telah diusir keluar dari vagina Barat Baitulmaqdis. Manakala Baitulmaqdis timur pula diletakkan di bawah naungan pemerintahan Jordan. Pada 23 Januari 1950, Israel bertindak menjadikan

---

<sup>20</sup> Michael Prior (1999), *Zionism and the State of Israel: A Moral Inquiry*, London: Routledge, hal. 175-183.



Baitul Maqdis : Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel

Baitulmaqdis Barat sebagai ibu kota mereka. Tindakan ini menambahkan kemarahan masyarakat Arab kerana Baitulmaqdis adalah tempat suci yang tidak harus dirampas dengan kekerasan.

Manakala pengisytiharan Palestin sebagai naungan British serta diletakkan di bawah *British Mandate* secara automatik memberi laluan mudah kepada Yahudi untuk merampas Palestin. Satu tindakan ekstrim yang dilakukan oleh zionis, pada Mei 1980, di mana Masjid al-Aqsa cuba diletupkan manakala pada 17 Oktober 1989 pula, sekumpulan warga Yahudi telah meletakkan batu asas untuk pembinaan Haikal Sulaiman berhampiran pintu masuk Masjid al-Aqsa. Golongan Yahudi percaya bahawa Masjid al-Aqsa merupakan tapak Haikal Sulaiman dan masjid itu perlu dirobuhkan untuk didikan haikal. Inilah satu tindakan yang menghangatkan kekacauan tajaan zionis.

Menurut Juergensmeyer, para pemimpin masyarakat Palestin termasuk Hamas tidak dapat menerima kezaliman yang dilakukan oleh zionis terhadap masyarakat Arab Palestin. Dalam wawancara beliau dengan Abdul Aziz Rantisi (sebelum beliau syahid pada 17 April 2004), jelas menunjukkan pendirian pertubuhan Islam yang diterima majoriti masyarakat Palestin tersebut. Juergenmeyer bertanya apakah Yahudi dan Muslim boleh tinggal dalam keadaan aman dan harmoni dalam kawasan yang dikenalpasti sebagai Palestin, Rantisi yakin bahawa ia boleh berlaku, tetapi tidak di bawah regim pemerintahan Israel. Rantisi menyatakan mereka boleh mencapai keamanan sekiranya keadaan pemerintahan adalah berlainan dengan yang ada, iaitu pemerintahan di kontrol oleh Arab Palestin. Beliau juga menyatakan bahawa golongan Yahudi boleh tinggal bersama dengan masyarakat Arab Palestin.<sup>21</sup>

Situasi sebegini tidaklah mustahil untuk dicapai kerana dua sejarah utama Palestin menunjukkan keamanan itu boleh wujud di bawah pemerintahan yang adil dan saksama. Ia menjadi realiti pada era Khalifah Umar al-Khattab yang membebaskan Baitulmaqdis buat pertama kali di bawah Islam, dan ketika Salahudin menawan kembali kota tersebut dalam perang salib pada tahun 1187. Situasi di Palestin

---

<sup>21</sup> Mark Juergensmeyer (2003), *Terror in the Mind of God: The Global Rise of Religious Violence*, 3<sup>rd</sup> Edition, California: University of California Press, hal. 238-239.



berubah kembali apabila ia jatuh ke tangan British pada tahun 1917 dan perisytiharan negara Israel di atas tanah tersebut pada tahun 1948 yang menjadi sejarah hitam abad ini bagi Palestin.

Esposito menyatakan bahawa ketika Israel menyerang Gaza pada akhir 2008, ia sebenarnya satu ujian bagi kuasa besar dunia iaitu Amerika dalam hubungan dan komitmen terhadap Israel. Ia adalah suatu serangan yang dirancang khas. Laporan tersebar di akhbar Israel bahawa tentera Israel telah merancang untuk melakukan provokasi serta mencari sebab terbaik untuk menyerang masyarakat Arab tersebut.<sup>22</sup>

Sehingga kini, Yahudi zionis terus mendominasi bumi Palestin. Ekoran daripada penjajahan tersebut menyebabkan saban hari nyawa rakyat Palestin terkorban. Mereka tidak mendapat perhatian serius dari kuasa besar dunia dalam menangani masalah mereka. Sering apa yang berlaku ialah pihak kuasa besar memberikan sokongan kepada Israel dengan terus menafikan hak rakyat Palestin yang merupakan penduduk asal tanah tersebut sebelum mereka dihalau keluar dengan kekerasan.

### **KESIMPULAN**

Palestin dari sudut sejarah merupakan wilayah yang didiami oleh masyarakat Arab yang terdiri dari pelbagai latar agama seperti Yahudi, Kristian dan Islam. Seiring dengan perkembangan zaman, Palestin mengalami pasang surutnya di mana kuasa pemerintahan ke atasnya silih berganti. Hal ini membuktikan bahawa hampir seluruh daripada kuasa dunia terutama dari tiga agama samawi ingin menguasai 'tanah yang diberkati' ini disebabkan oleh matlamat dan kepentingan tertentu sama ada dari sudut spiritual, fizikal, ekonomi dan sebagainya.

Namun, perubahan terhadap Palestin boleh dilihat dengan ketara pada abad ini setelah ia mula diduduki dan diperintah oleh zionis yang menukar nama bagi kawasan tersebut daripada Palestin kepada Israel. Sejarah kejatuhan Palestin ini perlu difahami bagi meningkatkan kesedaran umat terhadap hak yang dirampas. Dunia perlu berlaku adil dan melihat hal ini dari kacamata keadilan sejagat, bukan hanya sekadar

---

<sup>22</sup> John L. Esposito (2010), *The Future of Islam*, New York: Oxford University Press, hal. 84 – 85.



*Baitul Maqdis : Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel*

mendengar dari sebelah pihak dan yang lebih menjadikan situasi itu parah adalah kerana sebelah pihak tersebut tidak lain tidak bukan adalah Israel.



## BIBLIOGRAFI

Dov Gavish (2005), *A Survey of Palestine under the British Mandate, 1920-1948*, Oxon: RoutledgeCurzon.

Henry Cattan (1973), *Palestine and International Law: The Legal Aspects of the Arab-Israeli Conflict*, (London and New York: Longman.

Henry Cattan (1976), *Palestine and International Law*, UK: Longman Group Ltd.

Howard Morley Sachar, (1963), *The Course of Modern Jewish History*, New York: A Delta Book.

James L. Gelvin (2005), *The Israel – Palestine Conflict: One Hundred Years of War*, Cambridge: Cambridge University Press.

John L. Esposito (2010), *The Future of Islam*, New York: Oxford University Press.

Karen Armstrong (1997), *A History of Jerusalem: One City Three Faiths*, London: Harper Collins Publishers.

Mark Juergensmeyer (2003), *Terror in the Mind of God: The Global Rise of Religious Violence*, 3<sup>rd</sup> Edition, California: University of California Press.

Michael C Hudson (1990), 'The Transformation of Jerusalem 1917 – 1987 AD,' dalam *Jerusalem in History*, ed. K.J Asali, New York: Olive Branch Press.

Michael Prior (1999), *Zionism and the State of Israel: A Moral Inquiry*, London: Routledge.

Saad El Shazly (1986), *The Arab Military Option*, US: American Mideast Research.

Trias Kuncahyono (2008), *Jerusalem: Kesucian, Konflik, dan Pengadilan Akhir*, Jakarta: Penerbit Buku Kompas.